

PEMIKIRAN KASSIM AHMAD MENGENAI SURAH AL-TAWBAH

KASSIM AHMAD'S THOUGHTS ON SURAH AL-TAWBAH

Izwan Mohd Ali^{1*}
Aminudin Basir@Ahmad²

¹ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

(E-mail: p119907@siswa.ukm.edu.my)

² Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. (E-mail: manhaj@ukm.edu.my)

*Corresponding author: p119907@siswa.ukm.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Mohd Ali, I., & Basir@Ahmad, A. (2025). Pemikiran Kassim Ahmad mengenai Surah Al-Tawbah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 285 - 300.

Abstrak: Kitab suci al-Quran yang berada pada setiap zaman adalah asli, terpelihara dan tidak mengalami perubahan. Allah SWT telah berjanji untuk memeliharanya seperti mana firman-Nya dalam Surah al-Hijr ayat 9. Namun begitu, tafsir al-Quran yang ditulis oleh salah seorang pemikir anti hadis iaitu Rashad Khalifa didapati terdapat kekurangan dua ayat di dalam Surah al-Tawbah berbanding dengan mushaf al-Quran yang menjadi rujukan umat Islam di seluruh dunia. Tafsir ini menjadi rujukan utama golongan anti hadis di Malaysia. Justeru, penyelidik merasa terpenggil untuk menjalankan kajian dengan tujuan untuk menganalisis pemikiran golongan anti hadis di Malaysia mengenai Surah al-Tawbah khususnya pemikiran Kassim Ahmad. Ini adalah kerana beliau telah dikenal pasti sebagai anti hadis melalui penulisan, blog dan ucapan beliau. Di samping itu, badan-badan autoriti agama di Malaysia turut mengisytiharkan beliau sebagai anti hadis menerusi beberapa fatwa yang telah diwartakan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif dengan menemu bual informan iaitu Kassim Ahmad secara bersemuka dengan menggunakan kaedah temu bual semi-struktur. Dapatan kajian menemukan pandangan Kassim Ahmad bahawa dua ayat yang terakhir dalam Surah al-Tawbah iaitu ayat 128 dan ayat 129 telah ditambah oleh sahabat Rasulullah SAW pada zaman 'Uthman RA. Disebabkan penambahan itu juga, surah tersebut tidak dimulai dengan Basmalah. Kesimpulannya, pandangan Kassim Ahmad berkenaan dengan Surah al-Tawbah tersebut bercanggah sama sekali dengan dalil daripada al-Quran, athar sahabat dan hujah-hujah daripada para ulama dan cendekiawan Islam. Pemikiran sebegini boleh memberi kesan terhadap akidah islamiah dan memerlukan kepada perhatian yang serius bagi mengekang penyebarannya dalam masyarakat Islam.

Kata Kunci: Al-Quran, Kassim Ahmad, pemikiran anti hadis, Surah al-Tawbah, tafsir al-Quran

Abstract: The holy book of the Quran that exists in every era is original, preserved and has not undergone any changes. Allah SWT has promised to preserve it as His word in Surah al-Hijr verse 9. However, the Quran interpretation written by one of the anti-hadith thinkers, namely Rashad Khalifa, was found to have two verses missing in Surah al-Tawbah compared

to the mushaf which is the reference for Muslims all over the world. The interpretation has become the main reference for the anti-hadith group in Malaysia. Therefore, the researcher felt called to conduct a study with the aim to analyze the anti-hadith group thoughts in Malaysia regarding Surah al-Tawbah, especially Kassim Ahmad's thoughts. This is because he has been identified as anti-hadith through his writings, blogs and speeches. In addition, religious authority bodies in Malaysia have also declared him as anti-hadith through several fatwas that have been gazetted. In this study, the researcher used a qualitative approach by interviewing the informant, namely Kassim Ahmad, face-to-face using the semi-structured interview method. The findings of the study found Kassim Ahmad's view that the last two verses in Surah al-Tawbah, namely verses 128 and 129, were added by the Companions of the Prophet Muhammad SAW during the time of 'Uthman RA. Because of that addition, the surah did not begin with Basmalah. In conclusion, Kassim Ahmad's view regarding Surah al-Tawbah is completely contradictory to the evidence from the Quran, the athar of the Companions and the arguments from Islamic scholars and intellectuals. This kind of thought can affect Islamic faith and requires serious attention to curb its spread in the Muslim community.

Keywords: *Al-Quran, Kassim Ahmad, anti-hadith thought, Surah al-Tawbah, Quran interpretation*

Pendahuluan

Al-Quran adalah kitab suci yang sempurna, lengkap dan terpelihara yang telah diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW. Tiada kecacatan, kekurangan mahu pun tokoh tambah berlaku padanya. Allah SWT juga telah berjanji untuk menjaga dan memelihara al-Quran sehingga ke akhir zaman. Manifestasi daripadanya dapat dilihat dengan penghasilan mushaf al-Quran yang banyak dicetak setiap tahun, lahirnya para penghafaz al-Quran di seluruh pelosok dunia, berdirinya kelas-kelas al-Quran bak cendawan tumbuh selepas hujan dan sebagainya. Semua ini bermatlamatkan untuk menjaga kitab suci al-Quran daripada diselewengkan dan hilang di muka bumi ini. Firman Allah SWT (maksudnya):

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya” (Sūrah al-Hijr, 15: 9).

Berdasarkan daripada ayat ini, umat Islam bersepakat bahawa mushaf al-Quran yang berada pada setiap zaman adalah asli, terpelihara dan tidak mengalami sebarang perubahan. Menurut al-Ṭabari (2005), sesungguhnya Allah SWT benar-benar memelihara al-Quran daripada penambahan sesuatu yang batil yang bukan daripadanya atau pengurangan daripadanya hukum-hukum, batasan-batasan dan ketetapan kefarduannya.

Namun begitu, golongan anti hadis telah mendakwa bahawa terdapat ayat-ayat al-Quran yang berada pada tangan umat Islam telah diubah dan ditokok tambah oleh sahabat Rasulullah SAW, khususnya ayat yang berada di dalam Surah al-Tawbah.

Sejarah Ringkas Gerakan Anti Hadis dan Pemikirannya

Perkataan gerakan anti hadis terdiri daripada tiga patah perkataan iaitu gerakan, anti dan hadis. Gerakan bermaksud “usaha atau kegiatan” (Kamus Dewan, 2021: 462). Manakala, anti bermaksud “tidak menyetujui, melawan, membantahi dan menentang” (Kamus Dewan, 2021: 67). Hadis pula menurut ulama hadis merupakan apa-apa yang telah diriwayatkan atas keautoritian Rasulullah SAW, perbuatan, kata-kata, pengakuan atau penjelasan tentang sifat Baginda dengan maksud gambaran fizikal Baginda (al-A’zami, 2010). Maka, daripada penggabungan tiga patah perkataan ini terhasil apa yang diistilahkan sebagai gerakan anti hadis, yang merujuk kepada golongan yang berusaha untuk mengajak seluruh umat Islam menolak keautoritian hadis sebagai sumber perundangan Islam yang kedua selepas al-Quran dan hanya berpegang dan beramal dengan intipati al-Quran semata-mata.

Sejarah awal Islam telah merakamkan bahawa golongan yang menolak hadis sebagai sumber rujukan yang berautoriti dalam Islam telah lama muncul, bermula sejak daripada zaman sahabat lagi dan hampir berkubur. Corak pemikiran sebegini berkembang pada zaman tabiin, seterusnya menular pada zaman Khalifah Umar ibn Abdul Aziz (63H-101H). Namun begitu, Imam al-Syafi’i (150H-204H) telah dapat menanganinya pada zaman beliau (Abdul Karim, 2007a). Kemudian, gerakan anti hadis ini telah dihidupkan kembali pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20, kebanyakannya muncul dari benua kecil India. Di antara tokoh-tokohnya adalah Syed Ahmad Khan (m. 1898M), Chiragh Ali (m. 1895M), Abdullah Chakralawi (m. 1914M), Khwaja Ahmed Din Amritsari (m. 1936M), Ghulam Ahmad Parwez (m. 1986M), Rashad Khalifa (m. 1990M), Muhammad Tawfiq Sidqi (m. 1920M), Mahmud Abu Rayya (m. 1970M), Jeffrey Lang, Ahmed Subhy Mansour dan Maurice Bucaille (m. 1998M) (Hamdeh, 2011).

Sekitar tahun 1980-an telah wujud kumpulan di Indonesia yang menolak hadis atau menerimanya secara bersyarat walaupun hadis sahih. Mereka digelar sebagai Ingkar Sunnah yang diketuai oleh Ircham Sutarto. Kumpulan ini telah diisytiharkan sesat oleh Majlis Ulama Indonesia (MUI) pada 30 September 1983 (Juhaidi Yean, 2013). Kumpulan ini mula bergerak di beberapa tempat di Indonesia dan sampai ke kemuncaknya pada tahun 1983-1985. Pusat gerakan mereka terletak di Jakarta, di mana majoriti pengikutnya berada di sini yang kemudiannya tersebar ke Bogor, Jawa Barat, Tegal, Jawa Tengah dan Padang, Sumatera Barat. Seorang tokoh lagi iaitu Nazwar Syamsu juga telah dikenal pasti sebagai salah seorang daripada tokoh ingkar hadis di Indonesia berdasarkan buku-buku karangan beliau yang didapati mengandungi kesalahan dalam terjemahan ayat-ayat al-Quran dalam Bahasa Indonesia. Di samping itu, pendapat beliau juga didapati bertentangan dengan pegangan umat Islam secara umum yang berkaitan dengan sumber-sumber ajaran dalam Islam (Nahmar, 1986).

Di India dan Pakistan, gerakan anti hadis muncul dengan menggunakan nama Jami’iyah Ahli Qur’an sekitar tahun 1906 yang diketuai oleh Abdullah Chakrawali dan Khawaja Ahmad Din. Mereka berpegang dan membawa gagasan bahawa al-Quran sudah lengkap, sekaligus menolak hadis secara keseluruhan sebagai asas syariah. Dalam beberapa isu, golongan ini menetapkan dasar agama berdasarkan pendapat sendiri. Di antaranya adalah dalam isu pelaksanaan solat yang berlainan dengan kaedah yang diamalkan oleh majoriti umat Islam, mengurangkan jumlah rakaat dalam solat dan membuang bacaan dalam solat kerana menurut pendapat mereka, bacaan tersebut tiada dalil daripada al-Quran. Pemikiran golongan anti hadis ini telah diteruskan pula oleh Ghulam Ahmad Parwez dan Sayyid Rafiuddin Multan, namun telah ditentang oleh para ulama seperti Muhammad Ismail al-Salafi, Abul ‘Ala al-Maududi dan Muhammad Ayyub Dahlawi (Zikri, 2009).

Di Amerika, gerakan anti hadis bermula daripada *Seminar Misionari Kristian dan Yahudi* yang berlangsung pada 8 hingga 17 Jun 1983. Dalam seminar ini, salah seorang tokoh gerakan anti hadis iaitu Dr. Rashad Khalifa telah membincangkan tajuk *Islam: Dahulu, Kini dan Akan Datang*. Beliau menyatakan bahawa hadis-hadis adalah buatan syaitan, maka dengan mempercayai hadis bermaksud mempercayai buatan syaitan (Habeeb Rahman, 2006; Nahmar, 1986). Antara tujuan gerakan anti hadis di Amerika dan Eropah yang dipimpin oleh Dr. Rashad Khalifa adalah untuk memesongkan sarjana-sarjana Barat yang telah memilih Islam sebagai agama mereka. Kaedahnya adalah dengan menjauhkan mereka daripada mendapatkan sumber Islam yang sebenar iaitu al-Quran dan sunnah (Nahmar, 1986).

Di Mesir, gerakan anti hadis telah dibawa oleh Muhammad Tawfiq Sidqi. Pemikiran anti hadis beliau dapat dikesan melalui penulisanannya yang dimuat dalam majalah *al-Manar*. Antara pandangan beliau yang mengandungi elemen anti hadis adalah perbuatan Rasulullah SAW tidak perlu untuk diikuti oleh umat Islam dan memadai berpegang dengan al-Quran sahaja. Pandangan beliau ini juga telah ditentang oleh para ulama Mesir seperti Syaikh Ahmad Mansur al-Baz, Syaikh Taha al-Bisri dan Syaikh Salih al-Yafi'i (Zikri, 2009).

Idea-idea Tawfiq Sidqi telah diperluaskan oleh Rashad Khalifa. Rashad Khalifa merupakan seorang *biochemist* yang telah mempengaruhi pemikiran golongan anti hadis di Malaysia. Pengaruh beliau amat luas di Amerika Syarikat dan Malaysia sehingga telah turut mempengaruhi pemikiran Kassim Ahmad (Habeeb Rahman, 2006). Antara karya Rashad Khalifa yang telah mempengaruhi pemikiran Kassim Ahmad adalah buku *The Computer Speaks-God's Message to The World* (Izwan, 2019). Buku ini telah diletakkan di bawah perintah larangan pada 13 Januari 1994 dengan rujukan P.U (A) 8 (Senarai Judul Bahan Penerbitan Berunsur Islam Yang Diwartakan Perintah Larangan Hingga 2013, 2014). Antara sebab kecenderungan Kassim Ahmad terhadap Rashad Khalifa adalah penemuan Rashad Khalifa kepada Kod 19 yang didakwa oleh Kassim Ahmad sebagai satu kehebatan. Menurut Kassim Ahmad, al-Quran (bilangan surah, ayat atau huruf) disusun sama ada sembilan belas atau gandaan sembilan belas. Melalui Kod 19 ini, Allah SWT memelihara al-Quran daripada dicemarkan oleh tangan-tangan manusia (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual) April 25, 2015). Kod 19 ini menunjukkan bahawa keseluruhan al-Quran disusun berasaskan kepada 'nombor 19' iaitu angka kunci yang tidak boleh dibahagikan lagi (*indivisible number*) (Farahwahida, 2007).

Daripada penelitian penyelidikan, Rashad Khalifa juga pernah menghasilkan sebuah tafsir al-Quran yang bertajuk *Quran: The Final Testament*. Surah al-Tawbah di dalam tafsir al-Quran ini hanya mengandungi 127 ayat berbanding dengan mushaf al-Quran yang digunakan oleh majoriti umat Islam di seluruh dunia iaitu sebanyak 129 ayat. Beliau juga telah memberi penjelasan mengapa Surah al-Tawbah tidak dimulakan dengan *Basmalah* di dalam tafsir ini. Menurut beliau, ketiadaan *Basmalah* tersebut memainkan peranan yang sangat signifikan sebagai satu bahagian yang penting daripada keajaiban matematik al-Quran dan satu petanda daripada Allah SWT bahawa Surah al-Tawbah telah dicemari dan perlu disucikan kembali (Khalifa, 1992).

Bertitik tolak daripada pengaruh Rashad Khalifa terhadap pemikiran Kassim Ahmad, maka penyelidik merasa terpenggil untuk menjalankan kajian bertujuan untuk menganalisis pemikiran Kassim Ahmad mengenai Surah al-Tawbah yang telah menjadikan karya-karya Rashad Khalifa sebagai rujukan utamanya.

Gerakan Anti Hadis di Malaysia

Gerakan anti hadis di Malaysia telah dibawa oleh Kassim Ahmad. Beliau telah dikenal pasti sebagai individu yang menolak hadis sebagai salah satu sumber perundangan dalam Islam melalui beberapa fatwa yang telah diwartakan oleh jabatan mufti negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Pahang sejak daripada tahun 1986 (Wan Mohd Fazrul Azdi, Mohd Rumaizuddin, Mohd Azhar & Fikri, 2015). Beliau turut mengakui bahawa beliau telah diisytihar sebagai anti hadis atas gesaannya supaya umat Islam berpegang semata-mata kepada al-Quran sahaja tanpa melihat kepada hadis (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual) April 25, 2015).

Kassim Ahmad telah menubuhkan dan memimpin pertubuhan Jema'ah al-Quran Malaysia (JAM) pada 11 Jun 1995, kemudiannya dikenali sebagai Forum Iqra'. Tujuan pertubuhan ini ditubuhkan adalah untuk menyeru umat Islam di Malaysia khususnya dan di seluruh dunia amnya agar kembali kepada ajaran al-Quran (Abdul Karim, 2007b). Idea awal penubuhan Jema'ah al-Quran Malaysia telah dibawa oleh beliau pada 16 Mei 1993 di Rumah Persatuan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dan secara rasminya bermula pada 11 Jun 1995 bertempat di Rumah Universiti, Universiti Malaya, Kuala Lumpur (Md Hasri, 2016).

Kassim Ahmad pernah mencetuskan kontroversi dengan menghasilkan karya-karya dan ucapan yang mengupas isu-isu agama berdasarkan gagasan anti hadis. Dalam karya-karya tersebut, beliau telah menzahirkan gagasan penolakan hadis sebagai sumber rujukan yang berautoriti dalam Islam. Di antaranya buku *Hadis: Satu Penilaian Semula* dan buku *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik*. Buku *Hadis: Satu Penilaian Semula* setebal 131 halaman dan diterbitkan oleh Media Intelek Sdn. Bhd. pada tahun 1986. Buku ini merupakan ceramah-ceramah beliau dalam jurusan antropologi dan sosiologi di Universiti Kebangsaan Malaysia (Kassim, 1986; Zikri, 2009). Buku *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik* pula setebal 199 halaman dan diterbitkan oleh Media Indah Sdn. Bhd. pada tahun 1992. Buku ini merupakan jawapan dan hujah balas kepada para pengkritik beliau yang menolak buku *Hadis: Satu Penilaian Semula* (Kassim, 1992; Muhammad Azizan & Noor Shakirah, 2016). Beliau juga pernah menzahirkan gagasan anti hadis melalui ucapan yang telah disampaikan dalam *Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Untuk Menentukan Hala Tuju Negara Malaya Untuk Tiga Puluh Tahun Akan Datang* melalui *Seminar Pemikiran Dr. Kassim Ahmad: Satu Penilaian* di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya pada 15-16 Februari 2014. Dalam ucapan tersebut, beliau telah mencadangkan beberapa jawapan kepada segala permasalahan yang sedang berlaku terhadap umat hari ini berdasarkan kepada ajaran al-Quran seperti yang beliau fahami yang mempunyai sifat liberal dan gagasan anti hadis (Wan Mohd Fazrul Azdi et al., 2015).

Kedua-dua buah karya utama Kassim Ahmad tersebut telah diletakkan di bawah perintah larangan. Buku *Hadis: Satu Penilaian Semula* telah diletakkan di bawah perintah larangan pada 10 Julai 1986 dengan rujukan P.U (A) 223, manakala buku *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik* pada 21 April 1994 dengan rujukan P.U (A) 135 (Senarai Judul Bahan Penerbitan Berunsur Islam Yang Diwartakan Perintah Larangan Hingga 2013, 2014). Selain daripada dua buah karya beliau yang utama tersebut, tulisan beliau juga boleh diakses daripada blog beliau yang beralamat <http://kassimahmad.blogspot.com/2017/>.

Dengan gagasan anti hadis yang dipegang dan turut disebarkan oleh Kassim Ahmad, pihak berautoriti agama di Malaysia telah mengambil langkah untuk menyekat perkembangan pemikiran beliau melalui pewartaan fatwa. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri Selangor telah mewartakan fatwa pada 23 November 1995 berkenaan dengan buku *Hadis: Satu Penilaian*

Semula dan buku *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik*. Menurut warta tersebut, kedua-dua buah buku tersebut mengandungi ajaran dan fahaman yang menolak hadis sahih (iaitu hadis yang disahkan bersumber daripada Rasulullah SAW) sebagai sumber akidah dan perundangan Islam dan menghina al-Quran dengan mempertikaikan kesahihan serta memesongkan pengertian sebenar ayat-ayat al-Quran. Oleh yang demikian, buku-buku tersebut mengandungi ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam. Justeru, individu atau kumpulan yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku-buku tersebut adalah murtad (Jabatan Mufti Negeri Selangor, t.th.).

Sorotan Literatur

Bertitik tolak daripada gagasan anti hadis Kassim Ahmad yang telah menimbulkan kontroversi, ramai pengkaji mula mengkaji tentang pemikiran beliau mengenai Islam. Di antaranya kajian tentang elemen-elemen anti hadis yang terkandung dalam ucapan beliau yang telah disampaikan pada 16 Februari 2014 bertajuk *Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Untuk Menentukan Hala Tuju Negara Malaya Untuk Tiga Puluh Tahun Akan Datang*. Dalam kajian ini, pengkaji telah meringkaskan kekeliruan beliau mengenai Islam dalam ucapannya melalui sebelas isu dalam bentuk jadual. Seterusnya, pengkaji membahaskan dua isu yang telah dikemukakan iaitu Imam al-Syafi'i yang telah mewajibkan hadis sebagai sumber Islam dan hadis tidak mentafsirkan al-Quran tetapi al-Quran yang mentafsirkan al-Quran melalui kaedah saintifik. Menurut pengkaji, hadis sebagai sumber perundangan dalam Islam bukan kerana Imam al-Syafi'i yang mewajibkannya pada kurun kedua hijrah. Sebaliknya, hal ini berlaku sebelum daripada kurun kedua hijrah lagi kerana semua umat Islam menyahut dan akur kepada perintah Allah SWT melalui al-Quran dan dijelaskan oleh hadis serta dipraktikkan oleh para sahabat (Wan Mohd Fazrul Azdi et al., 2015).

Kajian yang bertajuk *Metode Kassim Ahmad dalam Kajian Hadis: Satu Penilaian dalam Timbangan Metode Ilmiah Ulama Hadis* telah dijalankan bagi mengkaji kaedah Kassim Ahmad berinteraksi dengan hadis. Menurut pengkaji, Kassim Ahmad menggunakan metode sosio-historis dan logik akal dalam memahami nas-nas syarak dan metode yang berasal daripada sistem hukum yang berpandukan keadaan masyarakat sebagai sumber hukum. Beliau juga bersikap skeptikal terhadap kredibiliti para ulama dengan menolak untuk mengikut pandangan para ulama yang muktabar. Pada anggapan beliau, para ulama telah menutup pintu ijtihad dan menghalang pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat awam. Menurut pengkaji lagi, golongan Liberalis, Pluralis dan Sosialis turut berpandangan seperti pandangan beliau ini (Mohd Norzi, Rosni, Abur Hamdi, Suriani, Zanariah, Sakinah & Azman, 2016).

Selain daripada itu, satu kajian juga telah dijalankan tentang pemikiran Kassim Ahmad yang meragui kedudukan hadis dalam Islam berpandukan kepada karya beliau yang bertajuk *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik*. Menurut pengkaji, secara umumnya kesemua bab yang dibincangkan dalam karya ini dianggap bahaya dan sensitif serta tidak sesuai untuk bacaan umum dan sewajarnya diharamkan kembali. Pengkaji merujuk kepada karya tersebut yang setebal 199 halaman dan mempunyai 11 bab, 3 lampiran, bibliografi dan penunjuk. Dalam memberikan reaksi dan jawapan kepada pendapat beliau, pengkaji memfokuskan kepada beberapa bab sahaja yang dianggap genting daripada sebelas bab. Bab-bab yang dibincangkan dan diberi hujah balas adalah Bab 2 yang bertajuk *Taatilah Allah dan Taatilah Rasul*, Bab 3 yang bertajuk *Siapa Menghuraikan Quran*, Bab 4 yang bertajuk *Masalah Solat* dan Bab 5 yang bertajuk *Kedudukan Hadis Yang Sebenar*. Daripada analisis terhadap karya yang menjadi subjek perbincangan ini, pengkaji menyimpulkan bahawa beliau keliru dan pemikiran beliau

bercelaru dalam memahami Islam yang merupakan agama wahyu dan tidak semuanya dapat difahami menurut akal fikiran (Muhammad Azizan & Noor Shakirah, 2016).

Satu kajian pernah dijalankan tertumpu kepada epistemologi Kassim Ahmad dalam menolak kehujahan hadis sebagai sumber rujukan dalam Islam. Pengkaji memulakan penulisan dengan mendefinisikan terma *inkar al-sunnah* dengan memecahkannya kepada empat kategori *inkar al-sunnah* dan menjelaskan sejarah ringkas *inkar al-sunnah*. Empat kategori *inkar al-sunnah* tersebut adalah *inkar al-sunnah* mutlak yang menolak keautoritian sunnah sebagai sumber hukum secara mutlak, *inkar al-sunnah kulli* yang menolak kehujahan sistem periwayatan hadis (*sanad*) sama ada ianya *mutawatir* mahu pun *ahad*, *inkar al-sunnah syibh kulli* yang hanya menerima hadis yang diriwayatkan secara *mutawatir* sahaja dan menolak hadis *ahad* dan *inkar al-sunnah juz'i* yang menolak sebahagian hadis *ahad* yang sahih apabila terdapat pertentangan dengan al-Quran, logik atau sains. Bagi merungkai epistemologi Kassim Ahmad, pengkaji menjelaskan bahawa beliau berpegang kepada tiga sumber ilmu apabila menganalisis hadis iaitu panca indera atau empirikal (*'ainul yaqin*), rasional (*ilmu yaqin*) dan penjelasan wahyu (*haqqul yaqin*). Pengkaji menyimpulkan bahawa Kassim Ahmad berada dalam kategori *inkar al-sunnah* mutlak, walaupun ada hadis yang diterima beliau sekiranya bertepatan dengan al-Quran. Namun begitu, beliau tiada memberikan penjelasan dan contoh hadis-hadis yang diakui beliau boleh dipegang mengikut pertimbangan beliau (Benny, 2018).

Terdapat juga kajian perbandingan pemikiran tokoh anti hadis di Indonesia dan Malaysia iaitu di antara Nazwar Syamsu dan Kassim Ahmad. Pengkaji memulakan perbahasan dengan menjelaskan sejarah kemunculan golongan yang mengingkari hadis di Indonesia dan Malaysia. Menurut pengkaji, tidak diketahui secara tepat sejak bila pemikiran ini mula berkembang dan siapa yang mula menyebarkannya di Indonesia. Menurut pengkaji lagi, Nazwar Syamsu telah dikenal pasti sebagai salah seorang tokoh ingkar hadis di Indonesia. Buku-buku karangan beliau yang mengandungi ayat-ayat al-Quran yang diterjemahkan ke Bahasa Indonesia didapati mengandungi banyak kesalahan dan pendapat-pendapat beliau yang dianggap bertentangan dengan pegangan umat Islam yang berkaitan dengan sumber-sumber ajaran Islam. Dalam membuat perbandingan di antara Nazwar Syamsu dan Kassim Ahmad, pengkaji telah merujuk kepada pandangan Nazwar Syamsu berpandukan kepada bukunya yang bertajuk *Al-Qur'an Tentang Manusia dan Masyarakat*, manakala pandangan Kassim Ahmad pula dengan berpandukan kepada buku *Hadis: Satu Penilaian Semula*. Menurut pengkaji, pandangan mereka yang sama adalah tentang tugas Nabi Muhammad SAW hanya untuk menyampaikan al-Quran dan al-Quran adalah satu-satunya sumber hukum yang lengkap, sempurna dan terperinci sekaligus menolak hadis sebagai sumber hukum kedua kerana hadis nabi tidak boleh dipercayai. Daripada sudut perbezaan pula, Nazwar Syamsu didapati bertindak menganalisis pendapat para ilmuan Barat dan Indonesia dan mengemukakan kekeliruan-kekeliruan yang mereka buat dengan menggunakan sumber ajaran agama. Beliau juga merujuk al-Quran, Bible dan buku-buku dalam Bahasa Inggeris tanpa merujuk kepada buku-buku dalam Bahasa Arab. Dalam karya beliau, beliau sentiasa mengelak daripada menunjukkan dengan jelas penolakan beliau terhadap hadis sebagai sumber rujukan dalam Islam. Sebaliknya, beliau hanya berpegang kepada al-Quran sahaja dan mentafsirkannya dengan berpandukan akal sahaja. Bagi Kassim Ahmad pula, latar belakang pemikiran anti hadis beliau berbeza daripada Nazwar Syamsu kerana beliau banyak dipengaruhi oleh cara hidup masyarakat Eropah yang akan mengubah suatu perkara yang tidak dipersetujui. Corak pemikiran beliau terpengaruh dengan pemikir-pemikir anti hadis seperti Rashad Khalifa dan Ahmad Amin. Di samping itu, Nazwar Syamsu juga telah mempengaruhi pemikiran Kassim Ahmad, walaupun beliau tidak menunjukkannya secara tersurat (Nurfajriyani, 2019).

Kajian lain yang pernah dijalankan bertajuk *Kassim Ahmad Pelopor Inkar Sunnah di Malaysia*. Dalam kajian ini, pengkaji membincangkan sejarah perkembangan gerakan anti hadis di India, Pakistan, Mesir dan Malaysia, di mana Kassim Ahmad merupakan pelopor kepada gerakan anti hadis di Malaysia yang muncul pada tahun 1980-an. Seterusnya, pengkaji mula mengeluarkan pendapat-pendapat beliau yang terkait dengan pemikiran ingkar sunnah berdasarkan kepada buku *Hadis: Satu Penilaian Semula*. Menurut pengkaji, Kassim Ahmad menggunakan pendekatan historis-sosiologis untuk menolak penggunaan hadis sebagai sumber hukum Islam. Antara pendapat beliau yang telah dikeluarkan oleh pengkaji seperti dilema terbesar yang dihadapi oleh umat Islam adalah kerana Imam al-Syafi'i telah menetapkan hadis sebagai salah satu daripada sumber-sumber perundangan Islam. Sebaliknya, apa yang telah ditinggalkan oleh Rasulullah SAW selepas kewafatannya adalah al-Quran sahaja sebagai warisan, tidak ada yang lain termasuk hadis. Beliau juga menolak pentafsiran ayat-ayat al-Quran yang dijadikan pegangan selama ini untuk menetapkan hadis atau sunnah sebagai sumber hukum dalam Islam. Dalam menilai pandangan beliau, pengkaji telah menganalisis pemikiran ingkar sunnah beliau berpandukan ayat-ayat al-Quran, bukti sejarah, logik akal, ilmu-ilmu hadis, perbandingan dengan pemikiran sesat yang lain dan penggunaan istilah yang lebih tepat. Pengkaji telah menyimpulkan bahawa aliran pemikiran ingkar sunnah ini termasuk golongan yang sesat kerana menolak hadis sahih sebagai hukum Islam, menghina Nabi Muhammad SAW sebagai Rasulullah serta memutarbelitkan maksud ayat-ayat al-Quran mengikut keinginan mereka. Menurut pengkaji, aliran pemikiran mereka ini juga secara tidak langsung merupakan percikan daripada agama Baha'i kerana ada unsur-unsur mempercayai Mukjizat Kod 19. Kedangkalan mereka dalam memahami ajaran Islam secara holistik dan ketidakseimbangan dalam beberapa aspek hadis terutama aspek ontologi, epistemologi dan histori menjadi sebab kepada penolakan terhadap kehujahan hadis (Darussalam & Neng Lutfi, 2020).

Satu kajian telah dibuat bagi menganalisis pemikiran Kassim Ahmad dalam mengkaji hadis. Pada awalnya, pengkaji membahaskan pandangan-pandangan Kassim Ahmad secara ringkas dan memberikan jawapan balas juga secara ringkas. Seterusnya, pengkaji menyenaraikan faktor-faktor penolakan hadis oleh Kassim Ahmad sebagai sumber akidah dan syariat Islam berdasarkan buku beliau *Hadis: Satu Penilaian Semula*. Menurut pengkaji, Kassim Ahmad menggunakan metode yang dibangkungnya sendiri dalam kajian kritiknya terhadap hadis. Antaranya mentafsirkan al-Quran dan sunnah berdasarkan kefahamannya sahaja, mendahulukan logik akal dan reaksi pemikir lain berbanding dalil yang jelas sahih, percaya kepada kebebasan berijtihad dan metode *ain al-yaqin*, *ilm al-yaqin* dan *haq al-yaqin* yang difahami secara sendiri sahaja. Pengkaji menyimpulkan bahawa Kassim Ahmad menggunakan metode sosio-historis dan logik bagi memahami hukum syarak yang memandang keadaan masyarakat sebagai sumber hukum. Beliau juga enggan mengikut para ulama yang muktabar kerana sifat skeptikal beliau terhadap kredibiliti para ulama dan menganggap para ulama telah menutup pintu ijtihad dan menghalang pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat awam (Ernawati, 2022).

Daripada penelitian penyelidik, kajian-kajian lepas didapati hanya mengkaji pemikiran Kassim Ahmad dalam penolakan hadis sebagai salah satu sumber perundangan Islam dan pemahaman beliau mengenai ajaran Islam tanpa berpegang dengan hadis, sebaliknya hanya bergantung kepada akalannya sahaja. Oleh itu, penyelidik mengambil pendekatan daripada sudut yang lain, iaitu kesan daripada pengaruh tokoh-tokoh anti hadis seperti Rashad Khalifa terhadap pemikiran beliau khususnya pemikiran beliau mengenai Surah al-Tawbah yang masih belum dikaji.

Metodologi Kajian

Kajian ini berusaha untuk mendalami pemikiran seseorang. Oleh itu, penyelidik berpendapat pendekatan yang sesuai digunakan adalah pendekatan kualitatif. Pendekatan ini dapat memberikan ruang kepada penyelidik untuk mendalami pemikiran seseorang melalui kaedah temu bual secara mendalam. Melalui kaedah ini, penyelidik dapat meneroka secara mendalam pemikiran dan idea-idea informan secara terperinci dan jelas. Temu bual merupakan kaedah secara langsung untuk mendapatkan maklumat berbentuk pandangan daripada informan yang melibatkan hubungan dua hala antara penyelidik dan informan (Ahmad Sunawari, 2014). Kaedah temu bual juga merupakan teknik yang terbaik untuk digunakan semasa menjalankan kajian kes intensif terhadap beberapa individu terpilih (Merriam, 1998). Oleh itu, pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan kaedah temu bual bagi meneroka pandangan dan idea daripada informan, iaitu Kassim Ahmad.

Maklumat yang diperolehi dianalisis secara perbandingan di antara hujah-hujah Kassim Ahmad mengenai Surah al-Tawbah dengan penjelasan daripada al-Quran, *Athar* sahabat dan hujah-hujah daripada para ulama dan cendekiawan Islam.

Siapakah Kassim Ahmad

Nama penuh beliau ialah Kassim@Osman bin Ahmad. Beliau merupakan anak kepada pasangan Ahmad bin Ishak dan Ummi Kalthum binti Hj. Ahmad. Beliau telah dilahirkan pada 9 September 1933 di Kampung Kubang Tampang, Mukim Lepai, Kubang Pasu, Kedah Darul Aman. Ayah beliau berketurunan dari Palembang dan ibu beliau pula berketurunan dari wilayah Melayu Patani. Beliau merupakan anak sulung daripada tiga orang adik beradik. Beliau telah mendirikan rumah tangga pada 23 November 1960 dengan Sharifah Fawziah binti Syed Yusof al-Sagoff dan dikurniakan dua orang anak perempuan dan seorang anak lelaki yang bernama Soraya, Aida dan Shauqi.

Beliau memulakan persekolahan peringkat rendah di Sekolah Melayu Bandar Baharu sehingga darjah tujuh (1939-1946) tetapi sebelum daripada itu beliau pernah bersekolah di Sekolah Melayu Bujang sewaktu berumur lima tahun. Seterusnya, beliau diterima masuk ke Kelas Melayu Khas (*Special Malay Class*) di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Star (1947-1953).

Setelah selesai pendidikan beliau di Kolej Sultan Abdul Hamid, beliau telah melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya, Singapura di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Melayu pada tahun 1955. Tesis yang telah beliau hasilkan bertajuk *Characterization in Hikayat Hang Tuah* (Perwatakan dalam Hikayat Hang Tuah) pada tahun 1959. Selepas itu, beliau menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Pengajian Melayu pada tahun 1959 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur setelah universiti tersebut berpindah dari Singapura ke Kuala Lumpur. Tesis yang telah beliau hasilkan bertajuk *Syair Musuh Kelantan*.

Dalam bidang pendidikan agama, beliau pernah belajar membaca al-Quran daripada bapanya dan menerima pendidikan agama ketika mengikuti pendidikan formal di sekolah rendah dan menengah. Beliau juga minat membaca buku-buku seperti tafsir, hadis, akidah, pemikiran Islam dan lain-lain dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Selain itu, beliau pernah membaca dan membanding tujuh belas buah tafsir sejak beliau berumur tujuh belas tahun selama tiga puluh enam tahun. Selepas daripada itu, beliau mula menulis buku beliau yang bertajuk *Hadis: Satu Penilaian Semula* pada tahun 1986.

Setelah tamat pengajian di Universiti Malaya, beliau telah diundang oleh En. J. C. Bottoms yang merupakan tenaga pengajar di Jabatan Pengajian Asia Tenggara, School of Oriental and African Studies (SOAS), Universiti London untuk mengajar bahasa dan sastera Melayu di situ. Sekembalinya ke tanah air pada tahun 1966, beliau telah cuba untuk memohon untuk mengajar di Universiti Malaya tetapi gagal. Seterusnya, beliau pulang ke Pulau Pinang dan berkhidmat sebagai guru bahasa dan sastera Melayu di Sekolah Abdullah Munshi, Pulau Pinang (1966-1969). Namun, sebelum itu beliau juga pernah berkhidmat sebagai pegawai penyelidik di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (1960-1962). Pada 13 Mei 1969, beliau telah mengambil keputusan untuk melepaskan jawatan sebagai guru dan bekerja sendiri sebagai guru tuisyen, penulis dan penterjemah bebas.

Beliau juga pernah mendapat beberapa anugerah, antaranya adalah Ijazah Doktor Persuratan Kehormat daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (1985) dan anugerah Penyair GAPENA (1987). Beliau juga bergiat aktif dalam kegiatan luar seperti menjadi Pengerusi Jema'ah al-Quran Malaysia (JAM) (1998-2017) dan Ketua Umum Parti Rakyat Malaya (PRM) (1968-1984).

Karya-karya yang pernah beliau hasilkan seperti *Kisah Pelayaran Abdullah, Hikayat Hang Tuah, Perwatakan dalam Hikayat Hang Tuah, Universiti Kedua: Kisah Tahanan Di bawah ISA, Teori Sosial Moden Islam, Hadis: Satu Penilaian Semula, Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik, Kontroversi Hukum Hudud, Dilema Umat Islam – Antara Hadis dan Quran, Mencari Jalan Pulang: Daripada Sosialisme Kepada Islam* dan banyak lagi.

Beliau telah menghembuskan nafas yang terakhir ketika berumur 84 tahun pada hari Selasa 10 Oktober 2017 jam 10 pagi setelah tidak sedarkan diri sejak 9 Oktober 2017 akibat radang paru-paru di Hospital Kulim, Kedah. Beliau telah dimasukkan ke hospital tersebut untuk menerima rawatan akibat jangkitan paru-paru dan injap jantung tersumbat sejak 16 September 2017 (Izwan, 2019).

Dapatan Kajian

Pandangan Kassim Ahmad mengenai bilangan ayat dalam Surah al-Tawbah adalah berasaskan kepada tafsir al-Quran yang ditulis oleh Rashad Khalifa bertajuk *Quran: The Final Testament*. Beliau menjelaskan bahawa dalam tafsir tersebut hanya mempunyai 127 ayat sahaja dalam Surah al-Tawbah. Manakala, al-Quran selainnya terdapat 129 ayat yang telah ditambah dua ayat lagi, iaitu ayat 128 dan 129, menjadikannya 129 ayat pada zaman 'Uthman RA, seperti mana katanya:

Surah sembilan ni kalau tengok, ha, Quran-Quran yang terjemahan selain daripada Rashad dia ada seratus dua puluh sembilan ayat, seratus dua puluh sembilan ayat, seratus dua puluh lapan dan seratus dua puluh sembilan ditambah dalam zaman 'Uthman (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual) April 25, 2015).

Beliau juga menjelaskan bahawa salah seorang sahabat Rasulullah SAW, iaitu Huzaifah RA yang telah memberi cadangan untuk menambah dua ayat terakhir dalam Surah al-Tawbah, seperti mana katanya:

Bila sampai di situ seorang sahabat nabi nama Huzaifah, Huzaimah, Huzaimah, dia buat cadangan kepada suruhanjaya tu, mari kita bagi kredit kepada Muhammad, naikkan nama Muhammad dalam dua ayat ni, tu yang tambah seratus dua puluh

lapan, seratus dua puluh sembilan, asalnya seratus dua puluh tujuh saja (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual) April 25, 2015).

Disebabkan pertambahan dua ayat terakhir dalam Surah al-Tawbah ini yang telah diketahui Allah SWT, maka surah ini tidak dimulai dengan *Basmalah*, seperti mana katanya:

Tuhan Maha Mengetahui, Dia tak bubuh Bismillah tu sebab makna kata Dia sudah tau surah Bismillah ini surah sembilan akan dicemarkan oleh tangan manusia, jadi Dia tak bubuh cop, itu makna dia (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual) April 25, 2015).

Katanya lagi:

Kalau saudara tengok semua terjemahan Quran ada ayat seratus dua puluh lapan dan seratus dua puluh sembilan, Rashad dia buang, dia sampai seratus dua puluh tujuh saja, ha, yang ni yang Tuhan tak bagi cop ni, Dia dah tau benda ni akan berlaku (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual) April 25, 2015).

Kassim Ahmad berpendapat bahawa al-Quran yang berada pada tangan umat Islam sudah diubah, dicemari dan bukan asli seperti mana ia diturunkan selepas kewafatan Rasulullah SAW. Pandangan beliau ini khusus kepada Surah al-Tawbah di mana menurut beliau, dua ayat terakhir iaitu ayat 128 dan 129 telah ditambah oleh sahabat Rasulullah SAW yang bernama Huzaifah RA pada zaman 'Uthman RA. Bertitik tolak daripada pandangan beliau tersebut, maka bilangan ayat dalam Surah al-Tawbah yang menjadi pegangan beliau adalah berdasarkan kepada bilangan ayat dalam tafsir al-Quran yang ditulis oleh Rashad Khalifa bertajuk *Quran: The Final Testament*. Oleh itu menurut beliau, surah ini telah diturunkan tanpa dimulai dengan *Basmalah* kerana Allah SWT sudah mengetahui tentang perkara ini (pertambahan dua ayat terakhir Surah al-Tawbah) akan terjadi. Lafaz *Basmalah* ialah lafaz بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ yang biasa dilafazkan sebelum mula membaca awal surah-surah dalam al-Quran.

Perbincangan

Allah SWT telah berjanji untuk menjaga dan memelihara al-Quran hingga ke akhir zaman. Kitab al-Quran dipelihara oleh Allah SWT daripada segala penyimpangan dan pengubahan tidak seperti mana yang telah terjadi kepada kitab Taurat dan Injil yang turun sebelumnya (al-Qaradhawi, 2024). Al-Quran juga merupakan mukjizat dan kesan kemukjizatannya akan hilang sekiranya terdapat perubahan dalam keasliannya (Muhammad Mutawalli, 2004). Menurut Ibn Kathīr (2009), Allah SWT telah menetapkan bahawa sesungguhnya Dia yang telah menurunkan *al-dhikr* iaitu al-Quran dan Dia yang memeliharanya daripada pengubahan dan penggantian. Atas dasar janji Allah SWT untuk memelihara al-Quran agar kekal asli, terpelihara dan tidak mengalami perubahan pada setiap zaman, maka umat Islam seharusnya meyakini bahawa tiada kekurangan atau penambahan bilangan ayat di dalamnya.

Dua ayat terakhir daripada Surah al-Tawbah yang dimaksudkan oleh Kassim Ahmad telah ditambah oleh sahabat Rasulullah SAW yang bernama Huzaifah RA pada zaman 'Uthman RA adalah (maksudnya):

“Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad SAW), yang menjadi sangat keberatan kepadanya

sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat lobakan (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman. Kemudian jika sekiranya mereka berpaling (ingkar), maka katakanlah (wahai Muhammad): “Cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memelihara), tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; kepada-Nya aku berserah diri, dan Dialah yang mempunyai ‘Arash yang besar” (Sūrah al-Tawbah, 9: 128-129).

Dua ayat terakhir daripada Surah al-Tawbah ini bukan ditambah oleh sahabat Rasulullah SAW yang bernama Huzaifah RA seperti yang didakwa oleh Kassim Ahmad, tetapi merupakan kesepakatan para sahabat untuk meletakkannya di akhir Surah al-Tawbah. Menurut az-Zuhaili (2013), para sahabat Rasulullah SAW telah sepakat semasa mengumpulkan ayat-ayat al-Quran untuk meletakkan dua ayat ini di akhir surah (Barā’ah). Imam Ahmad, Imam al-Bukhari, Imam al-Tirmizi dan selainnya meriwayatkan daripada Zaid bin Thabit RA semasa mengumpulkan ayat-ayat al-Quran dan menulisnya di zaman Khalifah Abu Bakar RA bahawa beliau berkata: “Aku mendapatkan dua ayat daripada Surah al-Tawbah daripada Khuzaimah al-Ansari dan aku tidak mendapatkan kedua-dua ayat ini daripada selainnya (ayat 128 dan 129)”. Kata-kata Zaid bin Thabit RA ini bermaksud bahawa beliau tidak dapat kedua-dua ayat ini yang ditulis selain daripada Khuzaimah al-Ansari RA, walaupun kedua-dua ayat ini dihafal oleh beliau dan para sahabat selain beliau sebagaimana yang disebutkan oleh Ibn Hajar (az-Zuhaili, 2013). Oleh itu, kedua-dua ayat ini jelas bukan ditambah oleh sahabat Rasulullah SAW, bahkan telah ada dalam hafalan para sahabat walaupun dalam tulisan hanya ada pada Khuzaimah al-Ansari RA seorang sahaja.

Surah al-Tawbah merupakan salah satu surah daripada 114 buah surah di dalam al-Quran yang terpelihara dan tidak mengalami perubahan. Surah ini merupakan surah yang ke-9 daripada susunan surah-surah dalam al-Quran, mempunyai 129 ayat dan termasuk surah *Madaniyyah* (Abdullah, 1996; Ibn Kathīr, 2009; al-Ṭabari, 2005). Istilah *Madaniyyah* bermaksud sesuatu (ayat atau surah) yang diturunkan di Madinah dan istilah yang masyhur merujuk kepada sesuatu (ayat atau surah) yang diturunkan selepas daripada hijrah walaupun turun di Mekah (al-Zarkashi, 2006). Ulama tafsir bersepakat bahawa surah ini diturunkan di Madinah walaupun terdapat beberapa riwayat yang mengatakan terdapat beberapa ayat daripada surah ini yang diturunkan di Mekah iaitu ayat 113 (Khotimah, 2017). Surah ini termasuk di antara surah-surah yang terakhir diturunkan kepada Rasulullah SAW (Ibn Kathīr, 2009). Surah ini dinamakan Surah al-Tawbah (taubat) kerana pada ayat 117 disebutkan tentang golongan yang telah bertaubat daripada perbuatan mereka yang salah, lalu Allah SWT menerima taubat mereka dan mengampunkannya. Surah ini juga dinamakan Surah Barā’ah (pemutusan tanggungjawab) yang bermaksud pembatalan perjanjian (Abdullah, 1996).

Terdapat perbezaan pendapat di antara para ulama tafsir berkenaan dengan jumlah ayat di dalam Surah al-Tawbah. Menurut Muhammad Rashid Ridha, ulama Kufah menetapkan sebanyak 129 ayat, manakala jumhur ulama menetapkan bilangannya 130 ayat. Selain itu, ada pendapat yang menetapkan sebanyak 127 ayat yang bermaksud dua ayat ditulis menjadi satu ayat sahaja. Namun begitu, perbezaan pendapat dalam menetapkan bilangan ayat dalam Surah al-Tawbah ini bukan bermaksud adanya pengurangan atau penambahan ayat yang menyebabkan adanya perbezaan kandungan al-Quran, tetapi hanya pada penentuan ayat sahaja (Khotimah, 2017).

Surah al-Tawbah tidak dimulakan dengan *Basmalah* dalam mana-mana mushaf al-Quran. Lafaz *Basmalah* ialah suatu lafaz yang merupakan ucapan rahmat. Surah ini tidak dimulakan dengan

Basmalah kerana di dalam surah ini Allah SWT menjelaskan berkenaan dengan orang-orang yang jauh daripada rahmat-Nya. Maka, disebabkan itu ia tidak boleh dimulakan dengan ucapan rahmat (Muhammad Mutawalli, 2004). Menurut Ibn Kathīr (2009), ketiadaan *Basmalah* pada awal Surah al-Tawbah kerana para sahabat tidak menulisnya dalam *Mushaf al-Imam* dan mereka mengikut apa yang telah dilakukan oleh Amīr al-Mu'minīn 'Uthmān bin 'Affān RA. *Mushaf al-Imam* merupakan salinan naskhah mushaf al-Quran yang khusus dalam simpanan 'Uthman bin 'Affan RA (Mahsor, 2015), selain daripada tujuh buah salinan naskhah yang telah beliau edarkan ke Kufah, Basrah, Syria, Madinah, Mekah, Yaman dan Bahrain (al-A'zami, 2011). Dalam sebuah *athar* daripada Ibn 'Abbās RA, beliau berkata: Aku pernah bertanya kepada 'Uthmān bin 'Affān RA (maksudnya):

“Apa yang mendorongmu meletakkan Sūrah al-Anfāl dan ia daripada *al-Mathānī* (surah yang jumlah ayatnya kurang daripada seratus ayat) sebelum Barā'ah (Surah al-Tawbah) dan ia daripada *al-Mi'ūn* (surah yang jumlah ayatnya lebih daripada seratus ayat), tanpa menuliskan *Bismillāhirrahmānirrahīm* di antara dua surah tersebut? Bahkan, kamu juga meletakkannya pada *al-Sab'u al-Ṭuwal* (tujuh surah-surah panjang)?” 'Uthmān menjawab: “Dalam beberapa masa, turun beberapa surah yang jumlah ayatnya sedikit. Apabila turun sesuatu surah, Baginda selalu memanggil beberapa orang penulis wahyu lalu Baginda bersabda, letakkan ayat-ayat itu pada surah yang menyebutkan tentang ini dan itu. Apabila turun sesuatu ayat, Baginda juga bersabda, letakkan ayat ini dalam surah yang menyebutkan tentang ini dan itu. Tentang Sūrah al-Anfāl, ia termasuk salah satu surah yang terawal diturunkan di Madinah, sedangkan Barā'ah merupakan surah yang terakhir diturunkan. Akan tetapi, kisah dalam Sūrah al-Anfāl menyerupai dengan kisah yang ada di dalam Barā'ah. Oleh karena itu, aku berpendapat ia termasuk dalam Sūrah al-Anfāl. Akan tetapi, sebelum menjelaskan tentang hal ini, Rasulullah SAW wafat. Berdasarkan perkiraanku itu, akhirnya aku letakkan Barā'ah sesudah Sūrah al-Anfāl dan aku tidak tulis di antara dua surah ini *Bismillāhirrahmānirrahīm*. Aku juga meletakkannya dalam *al-Sab'u al-Ṭuwal*”. Abū 'Īsā al-Tirmidhi berkata: hadis ini *ḥasan ṣaḥīḥ*.

(al-Tirmidhi, *Jāmi' al-Tirmidhi*, abwāb tafsīr al-Qurān 'an Rasūl Allah, bāb wa min Sūrah al-Tawbah, hadis no. 3086).

Berdasarkan penjelasan daripada 'Uthmān bin 'Affān RA, semua surah di dalam al-Quran disusun berdasarkan sabda Rasulullah SAW dan ini menjadi dalil dalam penyusunan surah dalam al-Quran. Namun begitu, Baginda telah wafat terlebih dahulu sebelum sempat menjelaskan bahawa Surah al-Tawbah termasuk dalam Surah al-Anfāl. Berdasarkan pendapat 'Uthmān bin 'Affān RA, Surah al-Tawbah termasuk dalam Surah al-Anfāl kerana kedua-duanya mempunyai pengkisahan yang serupa. Oleh itu, beliau meletakkan Surah al-Tawbah selepas daripada Surah al-Anfāl dan tidak memisahkannya dengan *Basmalah*.

Kesimpulan

Al-Quran merupakan Kalam Allah SWT, berupa mukjizat yang sentiasa dalam pemeliharaan-Nya. Kesan kemukjizatannya akan hilang sekiranya terdapat perubahan dalam keasliannya. Tiada seorang hamba Allah SWT yang mampu untuk membuat sesuatu sebanding dengannya atau mengubahnya dengan tangan-tangan mereka. Namun begitu, Kassim Ahmad berpandangan bahawa ada ayat-ayat al-Quran yang sudah diubah, dicemari dan bukan asli khususnya dalam Surah al-Tawbah. Pandangan beliau ini amat bertentangan sama sekali dengan dalil daripada al-Quran, *athar* sahabat dan hujah-hujah daripada para ulama dan

cendekiawan Islam. Pemikiran sebegini boleh memberi kesan kepada akidah islamiah kerana telah mencemari kesucian al-Quran yang merupakan mukjizat. Perhatian dan tindakan yang serius diperlukan seperti meningkatkan pendidikan dalam ilmu hadis kepada masyarakat awam Islam, kajian dan penulisan ilmiah daripada para sarjana Muslim bagi menjawab serangan-serangan daripada golongan anti hadis dan kawalan penyebaran bahan-bahan berunsur Islam daripada sumber yang tidak sahih. Usaha ini bagi mengekang penyebaran pemikiran sesat ini dalam kalangan masyarakat Islam yang tidak mustahil akan ada sebahagian umat Islam yang akan mempertikaikan keaslian ayat-ayat daripada surah yang lain pula kesan daripada pengaruh pemikiran tersebut.

Penghargaan

Penghargaan dan ucapan terima kasih diberikan kepada Encik Kassim bin Ahmad kerana telah sudi memberi peluang kepada penyelidik untuk menemu bual beliau. Penghargaan dan ucapan terima kasih juga diberikan kepada penyelia, Prof. Madya Dr. Aminudin Basir@Ahmad dan para pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar dan bimbingan yang sangat bernilai dalam menjalankan kajian dan penulisan ini.

Rujukan

- Abdul Karim Ali (2007a). Antihadis: Rujukan kepada Kitab Jima' al-'Ilm. Dlm. Ishak Hj. Suliaman et al. (pnyt.). *Autoriti Hadis: Menangani Gerakan Antihadis*, hlm. 145-150. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Karim Ali (2007b). Metode Imam al-Syafii dan ulama di Malaysia dalam menangani golongan yang mempertikaikan hadis: Satu perbandingan. Dlm. Ishak Hj. Suliaman et al. (pnyt.). *Autoriti Hadis: Menangani Gerakan Antihadis*, hlm. 151-162. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah Muhammad Basmeih (1996). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Ahmad Sunawari Long (2014). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-A'zami, Muhammad Mustafa (2010). *Studies in Hadith Methodology and Literature*. Petaling Jaya: Islamic Book Trust.
- Al-A'zami, Muhammad Mustafa (2011). *The History of The Qur'ānic Text: From Revelation to Compilation: A Comparative Study with The Old and New Testaments*. Riyadh: Azami Publishing House.
- Az-Zuhaili, Wahbah (2013). *Tafsir Al-Munir: Akidah, Syariah & Manhaj*. Terj. Abdul Hayyie al Kattani. Jakarta: Gema Insani.
- Benny Afwadzi (2018). Epistemologi inkar al-Sunnah: Telaah pemikiran Kassim Ahmad. *AL FURQAN: Jurnal Ilmu Al Qur'an dan Tafsir* 1(2): 121-144.
- Darussalam Darussalam & Neng Lutfi Maspupah (2020). Kassim Ahmad pelopor inkar sunnah di Malaysia. *AL-DIN: Jurnal Dakwah dan Sosial Keagamaan* 6(1): 94-110. doi: <https://doi.org/10.35673/ajdsk.v6i1.848>.
- Ernawati Beru Ginting (2022). Pemikiran Prof. Dr. Kassim Ahmad dalam mengkaji hadis. *SHAHIH: Jurnal Ilmu Kewahyuan* 5(1): 112-125. doi: <http://dx.doi.org/10.51900/shh.v5i1.12548>.
- Farahwahida Mohd. Yusof (2007). *Aliran Kepercayaan: Sejarah dan Perkembangannya di Malaysia*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Habeeb Rahman Ibramsa (2006). Pemikiran anti hadis dan perkembangan semasa. Dlm. Haziyah Hussin et al. (pnyt.). *Kelangsungan Pengajian Hadis: Cabaran dan Masa Depan*,

- hlm. 65-109. Bangi: Jabatan al-Quran & al-Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Hamdeh, Emad (2011). *The Necessity of The Hadith in Islam*. Riyadh: International Islamic Publishing House.
- Ibn Kathīr, ‘Imād al-Dīn Abū al-Fidā’ Ismā‘īl al-Dimashqī (2009). *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*. Al-Qāhirah: Dār al-Tawfīqiyyah Litturāth.
- Izwan Mohd Ali (2019). *Pemikiran Kassim Ahmad mengenai Islam*. Tesis Master, Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Universiti Putra Malaysia.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor (t.th.). <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/28/fatwa-tentang-golongan-anti-hadith/> [11 September 2024].
- Juhaidi Yean Abdullah (2013). Ajaran gila, sesat & membahayakan. *Dakwah* September/Oktobre: 6-10.
- Kamus Dewan* (2021). Edisi Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad (1986). *Hadis: Satu Penilaian Semula*. Petaling Jaya: Media Intelek Sdn. Bhd.
- Kassim Ahmad (1992). *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik*. Kuala Lumpur: Media Indah Sdn. Bhd.
- Khalifa, Rashad (1992). *Quran: The Final Testament*. Revised edition. n.p.: n.p. <https://www.quranalone.com/media/quran-english.pdf> [23 April 2025].
- Khotimah Suryani (2017). Menelaah tafsir Surah At-Taubah. *Dar El-Ilmi: Jurnal Studi Keagamaan, Pendidikan dan Humaniora* 4(2): 66-88. doi: <https://doi.org/10.52166/dar%20el-ilm.v4i2.653>.
- Mahsor Yahya (2015). *Rahsia Keagungan Al-Qur’an dan Al-Qira’at*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md Hasri Rajali (2016). Sejarah pemikiran Jema’ah al-Quran Malaysia: Suatu penilaian terhadap risalah Siaran Iqra’ dari tahun 1993-an hingga tahun 1995-an. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 4(1): 115-125. doi: <http://dx.doi.org/10.17576/IMAN-2016-0401-11>.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Revised and expanded from Case Study Research in Education. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd Norzi Nasir, Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Suriani Sudi, Zanariah Ismail, Sakinah Salleh & Azman Abdul Rahman (2016). Metode Kassim Ahmad dalam kajian hadis: Satu penilaian dalam timbangan metode ilmiah ulama hadis. *HADIS: Jurnal Ilmiah Berwasit* 11: 49-69.
- Muhammad Azizan Sabjan & Noor Shakirah Mat Akhir (2016). Reaksi terhadap pemikiran anti hadis berdasarkan karya Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik. *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 18(Special Issue): 73-88. doi: <https://doi.org/10.22452/afkar.sp2016no1.3>.
- Muhammad Mutawalli Sya’rawi (2004). *Mu’jizat Al-Quran*. Terj. Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Nahmar Jamil (1986). *Dari Kod 19 Kepada Anti Hadis*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan.
- Nurfajriyani (2019). Ingkar hadis di Indonesia dan Mayasia: Studi komparatif pemikiran hadis Nazwar Syamsu dan Kassim Ahmad. *JURNAL AN-NIDA’: Jurnal Pemikiran Islam* 43(1): 101-124. doi: <http://dx.doi.org/10.24014/an-nida.v43i1.12318>.
- Al-Qaradhawi, Yusuf (2024). *Bagaimana Berinteraksi Dengan Al-Quran*. Terj. Kathur Suhardi. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- Senarai Judul Bahan Penerbitan Berunsur Islam Yang Diwartakan Perintah Larangan Hingga 2013* (2014). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- Al-Ṭabari, Abū Jaʿfar Muḥammad bin Jarīr (2005). *Jāmiʿ al-Bayān ʿAn Taʾwīl Āyi al-Qurān*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Temu bual bersama Kassim Ahmad di 1504, Persiaran Kulim Golf, Kulim Golf & Country Resort, 09000 Kulim, Kedah pada 25 April 2015 pada jam 2.00 petang.
- Al-Tirmidhi, Abū ʿĪsā Muḥammad bin ʿĪsā bin Sawrah ibn Mūsā (1999). *Jāmiʿ al-Tirmidhi*. al-Riyāḍ: Dār al-Salām.
- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Mohd Rumaizuddin Ghazali, Mohd Azhar Ibrahim Resedi & Fikri Muharam (2015). Elemen anti hadis dalam ucapan kepada Konferensi Politik Nasional oleh Kassim Ahmad: Satu penilaian. *AL-ʿABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 6: 7-34. doi: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol6no1.431>.
- Al-Zarkashi, Badr al-Dīn Muḥammad bin ʿAbdullah (2006). *Al-Burhān Fī ʿUlūm al-Qurān*. al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- Zikri Darussamin (2009). Kassim Ahmad pelopor Inkar Sunnah di Malaysia. *ALFIKRA: Jurnal Ilmiah Keislaman* 8(1): 1-34. doi: <http://dx.doi.org/10.24014/af.v8i1.3802>.